



UiTM@Media **2016**

Siswa Cemerlang



UITM@Media
2016

UiTM juara keseluruhan

Oleh Nurul Amanina Suhaini
bhsukan@bh.com.my

► Johor Bahru

» SUKIPT turut dapat sambutan universiti swasta

Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2016 yang melabuhkan tirainya semalam, menyaksikan Universiti Teknologi Mara (UiTM) muncul johan keseluruhan temasya edisi ketiga itu.

Berlangsung di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai dekat sini, UiTM mempermarkan prestasi cemerlang sepanjang kejohanan itu apabila berjaya memungut 53 emas, 46 perak dan 35 gangsa.

Ketua Eksekutif SUKIPT, Hazally Jali, berkata walaupun UiTM muncul sebagai juara keseluruhan, penyertaan dari universiti swasta turut memberi saingan hebat kepada pasukan lain hingga mendominasi beberapa acara sukan pada kejohanan itu.

"Sebagai contoh, atlet dari Universiti Sunway merangkul emas dalam sukan renang, lawan pedang dan ping pong, malah saya yakin pada kejohanan akan datang lebih banyak saingan akan diberikan pasukan dari universiti swasta."

"Pada kejohanan SUKIPT 2018, kita dalam proses perbincangan kemungkinan membabitkan penganjuran temasya itu oleh tiga universiti tempatan dalam usaha menyediakan kemudahan yang lengkap kepada atlet yang bertanding," katanya, semalam.

8,000 atlet sertai

Lebih 8,000 atlet dari 102 kontinjen menyertai SUKIPT kali ini yang menawarkan 245 pingat emas menerusi 25 acara bermula 25 Januari lalu, yang turut menyaksikan Universiti Putra Malaysia (UPM) menduduki tangga kedua dengan pungutan 41 emas, 19 perak dan 21 gangsa.

Universiti Malaya (UM) pula sekadar berpuas hati di tempat ketiga dengan pungutan 25 emas, 17 perak dan 14 gangsa.

Majlis penutupan SUKIPT yang berlangsung di Dewan Sultan Iskandar di UTM di sini, disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Johor,

Md Jais Sarday mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Md Jais berkata, penganjuran kejohanan seumpama itu dengan membabitkan elemen baharu termasuk penyertaan atlet institusi pengajian tinggi dari ASEAN dan orang kelainan upaya (OKU) adalah satu penambahbaikan dalam melahirkan atlet berpotensi tinggi.

"Kecemerlangan atlet pada kejohanan kali ini membuktikan SUKIPT relevan kepada usaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam melahirkan lebih ramai atlet IPT

ke peringkat lebih tinggi.

"Usaha menjayakan sukan ini perlu diterus dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa demi kelangsungan kecemerlangan sukan negara," katanya membacakan teks ucapan Mohamed Khaled.

Sementara itu, pada hari terakhir kejohanan semalam, UiTM buat kali kedua mempertahankan pingat emas dalam acara akhir softball wanita yang berlangsung di Padang Utama, UTM di sini selepas menewaskan UM, manakala UPM pula sekadar meraih pingat gangsa.



Atlet UiTM meraikan kemenangan selepas dinobatkan juara keseluruhan SUKIPT 2016 di Skudai.
[FOTO HAIRUL ANUAR ABD RAHIM/BH]

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

